


# DEFINISI ZON WAKTU SOLAT

- Penentuan waktu solat di Malaysia adalah berdasarkan konsep zon waktu solat, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Kaedah hitungan waktu solat berdasarkan titik koordinat tempat itu sendiri. Dalam sistem zon waktu solat, koordinat paling barat bagi setiap zon digunakan untuk pengiraan waktu solat di zon tersebut.
- Di dalam kaedah hitungan waktu solat mengikut zon ini, sebenarnya waktu solat juga dihitung berdasarkan kepada satu titik sahaja iaitu titik rujukan bagi zon tersebut. Namun aplikasinya adalah bagi keseluruhan zon tersebut.
- Titik rujukan zon tersebut pula lazimnya dipilih sebagai titik paling barat dalam zon tersebut.



- Sebanyak 55 zon waktu solat digunakan sekarang bagi perhitungan waktu solat bagi seluruh negara. Pertimbangan dalam zon-zon ini adalah seperti berikut (JAKIM, 1995) dan (Mohamad Saupi dan Zakuwa, 2007):

- Perbezaan waktu sebenar antara titik paling timur dan paling barat dalam zon berkenaan tidak melebihi 2 minit. Namun tidak semua zon waktu solat di negeri Sarawak menggunakan kaedah ini kerana negeri Sarawak memiliki bentuk muka bumi yang luas dan penempatan penduduk yang berselerak.
- Stesen rujukan kiraan bagi zon adalah pekan/ tempat (boleh dikenalpasti) pada kedudukan terbarat.
- Tanah tinggi dan pulau mempunyai zon berasingan.



Kedudukan matahari dalam penentuan waktu solat.

# KOORDINAT ZON WAKTU SOLAT NEGERI SARAWAK

